

**PENGHASILAN KAD NAMA
DALAM REKA BENTUKNYA DI MALAYSIA**

**OLEH
TUAN SURYANTI BT. TUAN MANSOR
93735268**

**IJAZAH SARJANA MUDA
FAKULTI SENI LUKIS DAN SENI REKA
(SENI REKA GRAFIK)
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
SESSI 1996/97**

SEKALUNG BUDI

Saya, Tuan Suryanti Bt. Tuan Mansor daripada Kursus Ijazah Sarjana Muda Senireka Grafik ingin merakamkan rasa bangga dan puas hati serta ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd. kerana telah mengizinkan saya untuk membuat liputan serba sedikit mengenai cara-cara pemerosesan percetakan kad nama dan juga pengurusan dengan pelanggan dari awal melanggan hingga ke akhir siap.

Ucapan ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan dan semua kakitangan Syarikat yang sudi memberi kerjasama dan tunjuk ajar terutamanya:

1. Puan Tengku Nor
Pegawai Kewangan
2. Puan Wan Juliana Bt. Wan Ismail
Penolong Pengurus Pentadbiran
3. Encik Muda B. Ngah
Pegawai Pemasaran
4. En. Ahmadi B. Abdul Ghawi
Operator Mesin
5. Semua kakitangan di bahagian Setting, Kamera dan Cetak.

Tidak lupa juga ucapan ribuan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada Prof. Raja Zahabuddin B. Raja Yaacob dan En. Fauzan B. Hj. Mustaffa selaku pensyarah di Jabatan Grafik, Kajian Seni Lukis dan Seni Reka, ITM. Begitu juga kepada temubual saya bersama Encik Ramli B. Jusoh selaku orang lama di bahagian mesin dan penjilid

OBJEKTIF TESIS

Secara khususnya, penulisan tesis ini bertujuan bagi mengkaji penghasilan reka bentuk-reka bentuk kad nama dan juga bertujuan untuk mendekatkan masyarakat umum kepada reka bentuk-reka bentuk kad nama di negara kita, Malaysia.

Di masa ini, masyarakat agak sukar untuk menerima kehadiran beberapa reka bentuk-reka bentuk kad nama yang begitu pesat sekarang. Di samping itu juga saya akan memperbincangkan mengenai reka bentuk-reka bentuk kad nama semasa dari reka bentuk yang berbentuk satu permukaan kepada dua permukaan. Reka bentuk lipatan juga popular sebagai bahan promosi dan sebagainya. Selain dari itu, tujuan saya mengkaji pengeluaran melalui proses cetak di samping mengkaji mutu reka bentuk kad nama dalam penilaiannya bagi meletakkan harga sesebuah kad nama yang tertentu.

Ia juga bertujuan bagi saya melihat memperkenalkan beberapa teknik yang selalu digunakan pada kad nama di samping mengenal kesesuaian kertas untuk dicetak. Di dalam kajian ini segala persoalan akan dihuraikan dengan lebih jelas dan terperinci untuk mendapatkan jawapan yang tepat mengenai "Penghasilan Kad Nama Dalam Reka Bentuknya Di Malaysia" pada masa kini.

JADUAL ISI KANDUNGAN

	Muka surat
Mukadimah	
Halaman pemeriksa	ii
Sekalung Budi	iii
Sinopsis	v
Objektif Tesis	viii
Kaedah Kajian	x
Jadual Isi Kandungan	ix
Senarai ilustrasi	xii
<u>BAB 1</u>	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Definasi kad	4
1.2 Sejarah penggunaan kad nama	6
1.3 Perkembangan percetakan reka bentuk kad nama	8
1.4 Jenis dan ciri-ciri kad nama	12
<u>BAB 2</u>	
2.0 Fungsi kad nama	14
2.0.1 Kad nama melambangkan peribadi (identiti).	14
2.0.2 Kad nama melambangkan identiti korporat.	18
2.1 Peranan kad nama	27
2.2 Apakah tujuan kad nama diperkenalkan?	31
2.2.1 Kad nama sebagai bahan perkhidmatan.	31
2.2.2 Kad nama sebagai bahan periklanan.	34
2.2.3 Kad nama sebagai bahan promosi.	38

1.0 PENGENALAN

Di dalam kehidupan kita seharian nama sangatlah penting untuk kita mengenali atau membezakan sesuatu benda ataupun seseorang. Dari segi apa sahaja nama itu diperkenalkan atau dipersembahkan seperti memperkenalkan identiti diri melalui kad nama kepada setiap individu. Nama ini tidak kiralah sama ada nama syarikat, nama tanda niaga atau simbol pengenalan ianya membolehkan seseorang itu membezakan di antara satu sama lain.

Jadi, nama memainkan peranan yang penting bagi sesuatu barangan, sesebuah syarikat, pertubuhan, sesuatu logo atau seseorang itu di dalam pengenalan.

Dalam masyarakat hari ini, banyak kaedah mengenai pengetahuan maklumat berhubung dari semua aspek sama ada melalui media organisasi penerbitan dan juga percetakan.

Kad nama begitu kecil saiznya untuk dipamerkan, adakalanya senang bagi mereka untuk membuang selepas digunakan atau tidak diperlukannya lagi. Rekaan pada kad nama begitu lembut dan halus tetapi merumitkan. Ini adalah kerana seseorang pereka itu hendaklah menggunakan sepenuh fikirannya dalam mereka kedudukan bentuk, saiz, warna, tipografi dan susun huruf, tanda logo dan ilustrasi.